

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 2026**

**KADAR ROYALTI BAGI PEMINDAHAN BAHAN BATUAN (BATU KUARI) DARI
NEGERI KELANTAN ATAU KE LAIN-LAIN NEGERI DAN KE LUAR NEGARA**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 08/2026 yang bersidang pada 06 Mei 2026 telah membuat Keputusan meluluskan Kadar Royalti Bagi Pemindahan Bahan Batuan (Batu Kuari) dari Negeri Kelantan Atau Ke Lain-lain Negeri dan Ke Luar Negara sebagaimana berikut :-

- 1.1 Tempoh pengurangan royalti bahan batuan (batu kuari) yang berakhir pada tahun 2025 dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi bermula tahun 2026 sehingga tahun 2028.
- 1.2 Lain-lain kelulusan yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 5/2020 yang bersidang pada 18 Mac 2020 sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 07/2020 adalah dikekalkan.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 07/2020.
3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.


.....
DATO HAJI RAISNAN BIN HAJI DAUD, D.P.S.K., P.M.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.**

**NO. FAIL : PTG.PK.18/5-44/2020 Jld.2
BERTARIKH : 19 MEI 2026
02 ZULHIJAH 1447H**